



مجلس فرینดาون سلايڠ  
Majlis Perbandaran Selayang

**TEKS UCAPAN  
YBRS. TUAN MOHD YAZID BIN SAIRI S.I.S  
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 10/2021**

**29 OKTOBER 2021 (JUMAAT)**

**09:00 PAGI | SECARA DALAM TALIAN**

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

**Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman**  
Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj Wan  
Mahmood Pa' Wan Teh**  
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri**  
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahNya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.10/2021 bagi bulan Oktober** pada pagi yang berbahagia ini.

### **PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN**

2. Untuk makluman, sehingga 30 September 2021, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa sebanyak RM 86.73 juta (79.57%) daripada RM 109 juta.
3. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM6.10 juta (74.91%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM8.15 juta.
4. Pihak MPS telah mengeluarkan notis (borang E) kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan cukai taksiran pada 1 September 2021. Sebanyak 73,368 notis telah dikeluarkan dan tempoh tamat adalah pada 20 Oktober 2021. Tindakan waran tahanan sebanyak RM100.00 akan dilaksanakan kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan bermula 21 Oktober 2021. Orang ramai boleh membuat semakan dan bayaran melalui portal MyMPS.

5. Selain itu, MPS juga turut mengadakan kempen bayar tunggakan cukai taksiran bagi rumah kampung dan kos rendah. Bagi pemilik yang membuat bayaran secara penuh, pembatalan waran tahanan 100% dan pengurangan caj sebanyak 50% akan diberikan.
6. Kepada pemilik yang ingin menjelaskan tunggakan cukai taksiran, pemilik layak diberi pertimbangan pengurangan waran tahanan bagi bayaran secara penuh atau ansuran. Segala maklumat mengenai kelayakan pembatalan boleh diperolehi di kaunter bayaran cukai taksiran MPS.

### **PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN SECARA DIGITAL**

7. Untuk makluman semua, bermula 25 Oktober sehingga 31 Disember 2021, semua pemegang lesen premis perniagaan boleh membuat pembaharuan dan pembayaran lesen perniagaan masing-masing secara dalam talian. Pemegang lesen perniagaan juga perlu mengemaskini maklumat masing-masing di [lesendigital.mps.gov.my](http://lesendigital.mps.gov.my) dan seterusnya membuat pembayaran di MyMPS serta boleh mencetak sendiri lesen perniagaan mereka tanpa perlu lagi hadir ke MPS. Inisiatif MPS ini adalah untuk memudahkan proses pembaharuan lesen dibuat secara dalam talian tanpa perlu berurusan secara fizikal di kaunter.

8. Walaubagaimanapun, bagi pemegang lesen minuman keras/arak, visual/billboard, Kilang Tanpa Kebenaran (KTK), rumah urut/ refleksologi, pusat siber/ kafe siber, hotel, barang lusuh dan kuari, proses bayaran perlu dibuat melalui MyMPS dan mereka perlu hadir ke Jabatan Pelesenan MPS untuk mengambil lesen perniagaan mereka.
9. Jadi, saya harap agar semua Ahli Majlis kawasan dapat memaklumkan kepada semua pemilik premis perniagaan kawasan masing-masing untuk membuat bayaran pembaharuan lesen perniagaan masing-masing sebelum tempoh 31 Disember 2021 untuk mengelakkan caj fi proses lewat sebanyak 10% daripada jumlah aktiviti lesen dikenakan kepada mereka.

#### **KEMPEN TAWARAN KOMPAUN LETAK KERETA RM10**

10. Saya juga ingin memaklumkan bahawa MPS kini melaksanakan kempen tawaran kompaun yang menawarkan tawaran RM10.00 bagi setiap keping kompaun letak kereta kepada pemilik-pemilik kenderaan yang mempunyai kompaun tertunggak di Selayang.
11. Tempoh kempen pada kali ini akan dilaksanakan selama sebulan mulai 1 hingga 30 November 2021. Jadi, orang ramai boleh merebut peluang ini dengan datang ke kaunter lobi MPS, kaunter bergerak MPS yang akan

berada di kawasan yang terpilih dan melalui aplikasi Flexi Parking dan Smart Selangor Parking untuk membuat bayaran.

12. Jadi, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua yang masih mempunyai kompaun tertunggak untuk mengambil peluang ini bagi menjelaskan kompaun yang dimiliki untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan diambil.

#### **KEJAYAAN KUMPULAN SMART SCAPE TERPILIH DALAM ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS)**

13. Saya juga ingin memaklumkan mengenai kejayaan Kumpulan Smart Scape daripada Jabatan Landskap yang telah merangkul tempat Naib Johan (I) dan memenangi hadiah bernilai RM2,500 dalam Pertandingan Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) 2021 pada 27 Oktober yang lalu. Kejayaan kumpulan ini adalah menerusi projek yang dipertandingkan iaitu Projek My Auger All In One, merupakan inovasi mesin yang menggabungkan tiga (3) komponen utama- membawa pokok, mengorek lubang pokok dan mengukur jarak antara penanaman pokok serta kedalaman lubang pokok. Tahniah dan syabas saya ucapkan.

## **PENGIKTIRAFAN DALAM ANUGERAH MSOSH OSH AWARD ANJURAN MALAYSIAN SOCIETY FOR OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (MSOCH) 2021**

14. MPS juga telah menerima satu lagi anugerah yang membanggakan iaitu *MSOSH OSH Gold Class 2 Award Winner for 2021* bagi pengauditan Program MSOSH OSH AWARD 2021 anjuran Malaysian Society for Occupational Safety and Health. Untuk makluman, majlis penyampaian anugerah ini akan diadakan di Hotel Majestic Kuala Lumpur pada 25 November 2021. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada seluruh ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan MPS dan juga seluruh warga MPS.

## **AUDIT PEMANTAUAN PENSIJILAN ISO/IEC 27001:2013 DAN PENSIJILAN MS ISO 9001:2015**

15. Pasukan Audit SIRIM QAS akan membuat pengauditan ke atas Pensijilan ISO/IEC 27001:2013 dan Pengauditan ISO 9001 pada 22 hingga 24 November 2021. Pengauditan ini melibatkan konteks organisasi, kepimpinan, perancangan, sokongan, operasi, penilaian prestasi dan penambahbaikan di setiap jabatan .
16. Sehubungan itu, semua jabatan dapat memastikan segala persiapan di tahap yang terbaik bagi mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013.

## **PROGRAM SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT (SIBS) 2022**

17. Pada 18 hingga 21 November 2021 ini, MPS akan mengadakan pameran di Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur. Program anjuran Invest Selangor ini mempromosikan Negeri Selangor sebagai hub perdagangan global di rantau Asia di bawah Program Selangor Industrial Park EXPO.
18. Untuk makluman semua, MPS telahpun bersama-sama dalam program ini sejak tahun 2016 lagi. Melalui program SIBS ini, MPS berpeluang untuk mempromosikan kawasan pentadbiran MPS bagi menarik pelabur yang berpotensi untuk melabur di kawasan pentadbiran Selayang.

## **PROGRAM-PROGRAM BAGI BULAN NOVEMBER 2021**

19. Selain itu, saya juga ingin memaklumkan mengenai program-program MPS yang akan berlangsung pada bulan November. Pada 4 hingga 7 November 2021 ini, akan diadakan Kejohanan Virtual Sport Terbuka secara dalam talian (Online). Antara sukan e-sport yang akan diadakan ialah Mobile Legends, FIFA 21 dan PUBG Mobile. Penyertaan adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia.

20. Seterusnya pada 17 November 2021, MPS akan menganjurkan Program Kembali Ceria Ke Sekolah di Dewan Keraian, Menara MPS. Program tahunan MPS ini akan membantu seramai 225 orang anak-anak kurang berkemampuan di kawasan pentadbiran MPS dalam sesi penyampaian baucar bantuan persekolahan.
21. MPS juga akan turut mengadakan Program Masih Ada Yang Sayang pada 24 November 2021 di 10 petubuhan anak yatim, warga emas dan golongan OKU di kawasan pentadbiran MPS. Program kebajikan yang diadakan pada setiap tahun ini akan menyantuni seramai 408 orang melibatkan golongan anak yatim, warga emas mahupun orang kurang upaya (OKU) di samping menyampaikan sumbangan berbentuk wang ringgit dan barang yang diperlukan.

### **UCAPAN SEMPENA SAMBUTAN DEEPAVALI**

22. Dan akhir sekali, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali kepada semua Ahli Majlis, kakitangan dan penduduk MPS yang beragama Hindu yang akan menyambutnya pada 4 November 2021 ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh